

Headline **Ajar seks berasingan lebih baik**
Date **08 Dec 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **10**
Article Size **206 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,791**
PRValue **5,373**



Ajar seks berasingan lebih baik

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB**
yunus.yakkub@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Keputusan mengajar pendidikan seks secara berasingan dan tidak menumpang mata pelajaran lain mulai tahun depan mampu mendedahkan para pelajar mengenai ilmu dalam bidang itu dengan cara yang lebih sistematik.

Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Majlis Profesor Negara, Prof. Dr. Zakaria Kasa berkata, keputusan mengasingkan pendidikan seks merupakan satu tindakan tepat dan sesuai dengan masa sekarang.

"Biasanya bila sebut pasal seks, pelajar-pelajar sentiasa terbayangkan perkara-perkara yang menghairahkan

kerana sumber mereka lebih kepada Internet atau majalah.

"Sedangkan isunya lebih meluas terutama dalam menguruskan aspek keselamatan, kebersihan dan

konflik bila berhadapan dengan masalah seks," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Jadi tegas beliau, sudah tiba ma-

sanya masyarakat di negara ini didehkan dengan corak pembelajaran tersebut bagi mengurangkan masalah sosial dalam masyarakat seperti

seks rambang, jangkitan HIV dan AIDS.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi dalam laporan akhbar semalam membe-

ritahu, pendidikan seks yang sebelum ini diajar menumpang mata pelajaran lain akan diajar berasingan mulai 2011 dengan mengekalkan penggunaan istilah Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS).

Mengulas mengenai kandungan pendidikan itu, Zakaria mahu mata pelajaran itu diajar dalam bentuk sains kesihatan selain menerapkan psikologi pendidikan seks itu sendiri.



PARA pelajar akan dapat belajar pendidikan seks secara sistematik apabila mata pelajaran itu diajar secara berasingan pada 2011. - Gambar hiasan